

TARIKH	RABU, 7 MEI 2025
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	'CHRISTMAS SHOPPING' BAZIR SUMBER AWAM
M/S	19
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	WORK

Bernama Putrajaya “A malan pembelian tergesa-gesa pada hujung tahun atau ‘Christmas Shopping’ dalam perkhidmatan awam yang menyebabkan pembaziran sumber perlu dielakkan sama sekali,” kata Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar. Beliau berkata, pengurusan perbelanjaan tidak berhemah bukan sahaja menjejaskan kecekapan penggunaan sumber, malah boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap integriti dan tadbir urus kerajaan. Katanya, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) membangkitkan isu pengurusan kewangan kerajaan, namun isu penyelewengan dan pembaziran sumber awam masih berlaku. “Jika dibiarkan isu ini	KSN TEGUR PEMBELIAN TERGESA-GESA HUJUNG TAHUN ‘Christmas Shopping’ bazir sumber awam menjadi semakin kompleks dan tiada penyelesaian tuntas, ia menjejaskan kredibiliti dan persepsi masyarakat terhadap penjawat awam secara umumnya,” katanya dalam majlis perasmian Seminar Perakaunan Pengurusan 2025 bertema Perakaunan Pengurusan: Daripada Data kepada Pembuatan Keputusan anjuran Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), di sini, semalam. Teks ucapannya dibacakan Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi. Shamsul Azri berkata, penjawat awam perlu memastikan ketelusan, integriti kebertanggungjawaban menjadi teras kepada prinsip dalam tatakelola dan etika. Beliau berkata, Kerajaan Madani memberikan tumpuan mengoptimumkan perbelanjaan awam dengan menyemak semula dasar perbelanjaan dan pengagihan sumber yang terhad bagi memastikan kecekapan, keberkesanan dan nilai untuk wang. “Penerusan pelaksanaan dasar ke arah subsidi bersasar membolehkan kerajaan mengurangkan pembaziran dan ketirisan serta menyediakan ruang fiskal untuk menambah baik bantuan kepada golongan rentan,” katanya. Menurutnya, kerajaan juga mengambil langkah positif ke hadapan dengan melaksanakan pindaan Akta Audit 1957 yang akan memberi impak positif melalui skop pengauditan terhadap pengurusan wang awam. Katanya, usaha itu juga memastikan syor audit sentiasa diberi perhatian serius dan diambil tinda-	kan sewajarnya oleh semua pihak sama ada kementerian, jabatan dan agensi serta mana-mana badan termasuk syarikat yang menerima wang awam. Katanya, JANM sebagai agensi peneraju perakaunan pengurusan di semua kementerian mengambil inisiatif pelaksanaan melalui pengenalan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 1.3 - Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan. Shamsul Azri berkata, pekeliing itu untuk menerangkan dasar dan pelaksanaan perakaunan pengurusan melalui pengenalan Perakaunan Pengurusan dan Pelaporan Strategik atau dikenali ‘Strategic Management Accounting and Reporting’ (SMARt). “Penekanan perakaunan pengurusan diberikan ke atas aspek nilai faedah terbaik yang merupakan pelengkap pengurusan fiskal kerajaan,” katanya.
DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM	